

Jom Makan Buah-buahan Program Santai bersama Alumni UMP



Kuantan, 18 November - Dalam memeriahkan Expoconvo 17 Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Program Makan Buah-buahan bersama Alumni agar dapat memberi peluang graduan kembali semula untuk menikmati keseronokan pengalaman kampus.

Menurut Pengarah Eksekutif Expoconvo 2017, Nur Syafirah Roslee, program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan pelajar dan Alumni UMP yang aktif dalam membantu para pelajar UMP dalam menghadapi cabaran di alam universiti ini. Program ini terbuka kepada komuniti UMP dan orang awam dengan kadar bayaran serendah RM 3.00 sahaja. Sebanyak 1.5 tan buah-buahan telah disediakan bagi memastikan para pengunjung yang hadir dapat menikmati keenakan buah-buahan tempatan sepenuhnya .



"Antara buah-buahan tempatan yang disajikan ialah tembikai merah, buah naga, jambu batu, mangga, mata kucing, rambutan, betik, tembikai susu, nenas dan pisang. Program yang bermula pada jam 2.00 petang sehingga 5.00 petang ini menarik minat lebih 1500 orang yang terdiri daripada pelajar, orang awam, alumni dan para graduan untuk datang menikmati keenakan buah-buahan berkhasiat yang ditanam di Malaysia," katanya.

Manakala bagi pengarah program Jom Makan Buah Bersama Alumni ini, Ashwini Vassekaran berkata, program ini juga dapat merapatkan hubungan antara semua kaum dan berharap semua pengunjung berpuas hati dapat menikmati pelbagai

jenis buah-buahan dengan hanya RM3.00 sahaja. Beliau mengharapkan program yang berfaedah seperti ini menjadi aktiviti tahunan di UMP bagi menggalakan para pelajar membudayakan memakan buah-buahan tempatan.



Bagi mahasiswa UMP, Puvithra Mathuraveeran dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam berkata , program ini amat berfaedah dan amat berbaloi kerana pengunjung dapat menikmati lebih 10 jenis buah dengan kadar bayaran RM3.00 di samping dapat menimba pengalaman makan beramai-ramai bersama kawan-kawan. Turut bersependapat, Nur Syafiqah Awang dari Fakulti Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian,21 juga berharap UMP dapat mengadakan lebih banyak program santai seperti ini.

Pelbagai aktiviti menarik yang lain adalah Pameran Mutiara Mahkota Tuanku Canselor di galeri, Program Spell It Right, Choral Speaking, Street Science @Gallery dan Pertandingan Memasak Masakan Pahang sebagai mempromosikan resepi tradisi di negeri ini. Manakala program hiburan dalam Acoustic Battle, Malam Santai & Zikrullah, Solo or Duo dan Konsert Milenia Expokonvo 17 yang menampilkan Wani Hasnita, Yabang Khalifa, Bell Ngasri dan Tajul Arif bakal memeriahkan acara pada 20 November jam 8 malam di Kompleks Sukan UMP Gambang.



Disediakan oleh Syaza Akmalina Badrul Kamal, Awani Rangers UMP dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian.